

# **Impak COVID-19 Terhadap Negara dan Dunia**

**Oleh: Syed Ahmad Fathi**

Penularan wabak COVID-19 ke seluruh dunia yang bermula dari Wuhan, Hubai, China pada bulan Disember 2019 telah mengubah kehidupan kita dalam setiap aspek. Ia mengubah cara kita bersosial, cara kita mengurus ekonomi, hingga cara kita beribadah. Hingga ke hari ini kesannya masih dirasai di seluruh dunia termasuk di negara tercinta kita, Malaysia.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Malaysian Investment Development Authority (MIDA), nilai GDP negara pada tahun 2020 dijangkakan mencatat kerugian diantara RM38 billion hingga RM102 billion berbanding perangkaan GDP. Manakala pengeluaran industri dianggarkan turun sekitar 40 hingga 70 peratus semasa perintah kawalan pergerakan, manakala sektor pembuatan dianggarkan mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 8.6 peratus.<sup>1</sup>

Kesan ekonomi ini bukan sahaja perlu dilihat dalam bentuk angka dan statistik, kerana disebalik angka dan statistik ini, ada manusia-manusia sebenar yang terhimpit kehidupannya akibat dari kehilangan sumber mata pencarian. Oleh itu kesan ekonomi ini tidak boleh dilihat hanya dalam lensa makro tetapi juga secara mikro terutamanya kepada keluarga B40 yang terjejas. Tumpuan mesti diberikan terhadap keluarga terjejas yang mempunyai anak-anak kecil dan memerlukan bantuan asasi.

Kesan perubahan cara kehidupan norma baharu ini bukan hanya mempunyai kesan dari sudut ekonomi, ia juga memberi kesan kepada kesihatan mental dan juga kesihatan sosial masyarakat. Selain dari kesan kemurungan akibat interaksi sosial yang minima, kita juga melihat terjadinya insiden-insiden keganasan domestik malah terdapat kes yang berakhir dengan tragis dengan kehilangan nyawa.

Menurut laporan dari Bernama, dalam tempoh 44 hari PKP 526 kertas siasatan dibuka berhubung dengan kes keganasan rumah tangga. Berdasarkan statistik polis punca utama kes keganasan rumah tangga ini 45 peratus berpunca dari perselisihan faham isu kekeluargaan, 20 peratus dari penyalahgunaan dadah dan 10 peratus disebabkan masalah kewangan, manakala faktor lain termasuk mabuk, cemburu, panas baran dan perebutan harta.<sup>2</sup>

Untuk mengawal penyebaran wabak ini, cara kita beribadah juga terkesan. Pada peringkat awal tempoh kawalan pergerakan kita tidak dibenarkan untuk solat berjemaah. Sambutan kita terhadap bulan Ramadhan dan Syawal juga berubah apabila kita tidak dibenarkan untuk menunaikan solat tarawikh di masjid dan juga tidak dibenarkan menziarahi keluarga ketika hari raya.<sup>3 4</sup>

Situasi politik negara juga terkesan dengan penularan wabak ini, aktiviti-aktiviti politik yang terbatas seterusnya memberi kesan kepada pentadbiran negara. Pilihanraya Negeri Sabah misalnya merupakan satu kajian kes yang menarik untuk melihat bagaimana sistem politik terjejas kerana penularan wabak ini, dalam masa yang sama ia juga menyumbang kepada peningkatan kes dan merupakan satu tragedi bagi rakyat Malaysia yang sebelum ini telah berjaya menurunkan jumlah kes ke tahap yang memuaskan.<sup>5</sup>

Kesan pilihanraya negeri ini boleh dilihat dari dua sudut. Yang pertama kesan wabak ini kepada sistem politik. Dalam sudut ini kita melihat ada keterbatasan dalam senario politik negara, perubahan tidak dapat dilakukan dengan berkesan kerana kekangan prosedur yang membataskan perkumpulan orang ramai. Dalam situasi ini, keadaan politik akan bergerak lebih perlahan, manakala ada posisi kepimpinan yang akan terbiar kosong kerana pilihanraya tidak dapat dijalankan. Dalam situasi ini pihak berkuasa perlu mempertimbangkan persoalan perlantikan dalam pentadbiran dalam masa yang sama mengukur risiko kesihatan awam.

Sudut kedua adalah kesan pilihanraya negeri tersebut kepada kerajaan. Pilihanraya negeri ini telah mengubah pandangan rakyat kepada kerajaan. Penguatkuasaan prosedur yang lemah, polisi yang tidak konsisten terhadap ahli politik, kesemuanya telah merubah perspektif rakyat terhadap kerajaan. Usaha dan kejayaan awal kerajaan dalam mengawal penularan wabak kini telah terpadam dengan kegagalan terbaru kerajaan. Kehilangan rasa hormat dan kepercayaan masyarakat awam ini berpotensi merebak kepada satu titik krisis yang akan menyebabkan kerajaan sekarang jatuh. Legitimasi kerajaan adalah bergantung kepada idea dan persepsi rakyat, apabila kepercayaan itu hilang, legitimasi akan mengikut hilang beransur-ansur.<sup>6</sup>

Impak Covid-19 kepada dunia pula lebih signifikan jika dibandingkan secara relatif dengan keadaan negara terutamanya dari sudut kawalan penularan. Walaupun Malaysia kini menghadapi gelombang kedua, keadaan ini masih baik jika dibandingkan dengan kadar penularan global. Menurut data yang dikumpulkan oleh Johns Hopkins University, setakat 7 Oktober 2020, kes Covid-19 diseluruh dunia sudah mencecah 35.8 juta kes dengan angka kematian sebanyak 1.05 juta orang.<sup>7</sup> Dari data ini peratus kematian global adalah 2.9 peratus manakala peratus kematian negara Malaysia adalah 1 peratus sahaja. Namun ini tidak bermakna Malaysia sudah boleh duduk dalam keadaan yang selesa, peningkatan gelombang kedua selepas Pilihanraya Negeri Sabah 2020 membuktikan bahawa wabak ini mampu merebak kembali selagi dunia belum menghasilkan vaksin untuk mengawalnya.

Impak wabak ini kepada ekonomi global juga sangat signifikan. Kebanyakan negara dunia kini berhadapan dengan masalah peningkatan pengangguran dan pengurangan pendapatan pekerja hasil penutupan syarikat-syarikat. Negara ekonomi terbesar dunia, Amerika Syarikat, menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sudah mencapai kadar pengangguran sebanyak 10.4 peratus.<sup>8</sup> Antara industri yang terjejas teruk termasuklah industri penerbangan dan pelancongan. Menurut kajian yang diterbitkan oleh Bank Dunia, dianggarkan 40-60 juta penduduk dunia akan menjadi golongan miskin ekstrem kesan dari wabak ini.<sup>9</sup> Kesan dari masalah kemiskinan ini akan membuka lebih banyak masalah-masalah lain dalam kalangan masyarakat dunia, jika ia tidak ditangani dengan bijak ia juga mungkin akan merebak menjadi konflik berskala nasional atau regional.

Penularan wabak Covid-19 bukan sahaja membawa berita-berita negatif dan menyuramkan, ia merupakan masalah global dan menyaksikan ada usaha negara-negara dunia untuk berkerjasama dalam menghasilkan vaksin untuk wabak ini. Menurut laporan Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO), sebanyak 172 negara kini dalam perbincangan untuk menyertai COVAX yang merupakan inisiatif global untuk menghasilkan vaksin yang boleh dimanfaatkan oleh negara-negara dunia dengan akses yang saksama.<sup>10</sup> COVAX merupakan kerjasama global terbesar dalam usaha penghasilan vaksin dan mempunyai 9 variasi calon vaksin. Kerjasama ini merupakan satu berita yang baik dan positif terhadap situasi dunia, ketika kita melihat konflik-konflik meletus di kebanyakan lokasi di dunia dengan masing-masing mengangkat ideologi nasionalisme sebagai sumber konflik, kehadiran pandemik ini yang merupakan ancaman kepada manusia secara global memberi sebab untuk mereka bersatu dan menggabungkan kepakaran dalam menyelesaikan pandemik ini secara bersama.

Kesimpulannya kita dapat bahawa wabak Covid-19 ini akan meninggalkan kesan kepada dunia dan negara. Terdapat kesan yang berbentuk sementara, seperti kemelesetan ekonomi yang akan beransur pulih apabila aktiviti ekonomi kembali meningkat ke paras normal. Manakala ada juga kesan-kesan yang berbentuk tetap seperti kehilangan nyawa yang pastinya meninggalkan kesan psikologi dan sosial. Sementara kita melihat kesan-kesan negatif terutamanya dalam bidang ekonomi, perusahaan, dan pekerjaan, wabak ini juga menampakkan sisi-sisi positif kemanusiaan terutamanya dalam aktiviti bantuan kepada golongan yang terjejas serta kerjasama antarabangsa dalam menghasilkan vaksin. Krisis pandemik ini juga menyedarkan kita akan kepentingan untuk bersedia menghadapi krisis kesihatan di masa akan datang, ia adalah satu latihan lapangan yang baik untuk kita mengemaskini sistem kehidupan kita untuk menghadapi cabaran-cabaran kecemasan di masa hadapan.

Rujukan:

1. Impact of COVID-19 on the Malaysian Economy and the Mitigation Measures. Link: <https://www.mida.gov.my/home/impact-of-covid-19-on-the-malaysian-economy-and-the-mitigation-measures/posts/>
2. Muhamad Faiz Baharin. "Kisah Duka Dan Derita Isteri Di Sebalik Tabir PKP" Bernama, 20 Mei 2020. Pautan: [https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1843404](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1843404)
3. Dr Khairul Asyraf Mohd Nahir. "Persediaan Ramadan luar daripada kebiasaan". Metro, 15 April 2020. Pautan: <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/04/566680/persediaan-ramadan-luar-daripada-kebiasaan>
4. Luqman Arif Abdul Karim. "COVID-19: Balik beraya di kampung tak dibenarkan". Berita Harian, 10 Mei 2020. Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687302/covid-19-balik-beraya-di-kampung-tak-dibenarkan>
5. Syed Ahmad Fathi. "Pilihanraya Negeri Sabah 2020 Satu Tragedi". The Independent Insight, 3 Oktober 2020. Pautan: <http://theindependentinsight.com/2020/10/03/pilihanraya-negeri-sabah-2020-satu-tragedi/>
6. Syed Ahmad Fathi. "Berakhirnya Euphoria Perikatan Nasional". The Independent Insight, 7 Oktober 2020. Pautan: <http://theindependentinsight.com/2020/10/07/berakhirnya-euphoria-perikatan-nasional/>
7. Ciara Linnane. "Coronavirus tally: Global cases of COVID-19 top 35.8 million, 1.05 million deaths and U.S. death toll nears 211,000". Market Watch, 7 Oktober 2020. Pautan: <https://www.marketwatch.com/story/coronavirus-tally-global-cases-of-covid-19-top-358-million-105-million-deaths-and-us-death-toll-nears-211000-2020-10-07>
8. Lora Jones, Daniele Palumbo & David Brown. "Coronavirus: A visual guide to the economic impact". BBC News, 30 Jun 2020. Pautan: <https://www.bbc.com/news/business-51706225>
9. Daniel Gerszon Mahler, Christoph Lakner, R. Andres Castaneda Aguilar, Haoyu Wu. "The impact of COVID-19 (Coronavirus) on global poverty: Why Sub-Saharan Africa might be the region hardest hit". World Bank Blogs, 20 April 2020. Pautan: <https://blogs.worldbank.org/opendata/impact-covid-19-coronavirus-global-poverty-why-sub-saharan-africa-might-be-region-hardest>
10. "172 countries and multiple candidate vaccines engaged in COVID-19 vaccine Global Access Facility" World Health Organization, 24 Ogos 2020. Pautan: <https://www.who.int/news-room/detail/24-08-2020-172-countries-and-multiple-candidate-vaccines-engaged-in-covid-19-vaccine-global-access-facility>